

04/03/1998

Standard baru kiosk Internet

Hizral Tazzif Hisham

NETCARD Corporation, syarikat pengeluar kiosk Internet terkemuka di negara ini memperkenalkan standard terbaru perisian sistem operasi dikenali sebagai Sistem Operasi Interaksi Rangkaian Kiosk (netKIOS) yang akan merevolusikan persekitaran aplikasi perniagaan.

NetKIOS menyokong persekitaran operasi kiosk yang membenarkan interaktif, aplikasi multimedia dan antara muka untuk teknologi aplikasi terbaru. Ia akan bertindak menyediakan persekitaran aplikasi pengguna untuk capaian ke Internet dan Intranet.

Ia mempunyai sistem keselamatan untuk memastikan data tidak diceroboh, mengurangkan masalah dalam komunikasi rangkaian, urusan niaga, pengurusan sistem dan peralatan.

Pelancaran sistem operasi terbaru itu dilakukan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau melakukan lawatan ke Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, minggu lalu.

Industri kiosk Internet di seluruh dunia dijangka meledak dengan penekanan terhadap industri runcit, kewangan, kerajaan, pelancongan dan pengangkutan. Kajian yang dilakukan Inteco, syarikat penyelidikan yang berpangkalan di Connecticut menyatakan jumlah pemasangan kiosk di seluruh dunia dijangka berjumlah 600,000 pada tahun ini.

Bagi pasaran Amerika Syarikat, ia dijangka berkembang kepada AS\$3 bilion pada 2003, dengan anggaran pertumbuhan tahunan kira-kira 35 peratus.

Kiosk multimedia dijangka dapat menggantikan peranan perkhidmatan Over The Counter (OTC). Bagi sektor kerajaan ia dapat membantu pelaksanaan kerajaan elektronik, satu daripada tujuh aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia.

(END)